

27 JUL 2003

MCA-Selangor

PEMUDA MCA SELANGOR KEMUKA LIMA RESOLUSI PADA PERHIMPUNAN KE-34

SHAH ALAM, 27 Julai (Bernama) -- Pemuda MCA Selangor mengemukakan lima resolusi -- parti, politik, ekonomi, masyarakat dan pendidikan -- pada perhimpunan agung ke-34 pergerakan itu di sini hari ini.

Perhimpunan sehari itu dirasmikan oleh Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan sempena perhimpunan itu, resolusi itu antara lain menyatakan persetujuan parti untuk mengenang jasa bekas Presiden Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan bekas timbalannya Datuk Lim Ah Lek terhadap parti dan negara.

"Perletakan jawatan dan memberi laluan kepada pemimpin pilihan mereka menunjukkan MCA merupakan pasukan yang bertanggungjawab," kata kenyataan itu.

Pemuda MCA Selangor juga berjanji memberi sokongan padu kepada kepimpinan baru parti iaitu Datuk Seri Ong Ka Ting sebagai presiden dan timbalannya Datuk Chan Kong Choy.

Resolusi itu menyeru Ong sebagai pemimpin generasi muda memberi pertimbangan dan peluang kepada anggota pergerakan pemuda untuk menjadi calon dalam pilihan raya akan datang.

Resolusi itu turut menyokong cadangan untuk mengehadkan tempoh jawatan presiden, ketua pemuda dan ketua wanita kebangsaan kepada tiga penggal.

Pemuda MCA Selangor juga menghormati pelan pengunduran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan berjanji memberikan sokongan penuh kepada bakal penggantinya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi menjamin kestabilan Barisan Nasional.

Resolusi itu juga menyeru belia Cina menyertai pasukan Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera supaya dapat bersama-sama belia lain menjaga keamanan negara.

Ia juga menyokong penuh tindakan kerajaan untuk menghapuskan video cakera padat lucah yang boleh merosakkan pemikiran dan masa depan belia negara.

Resolusi itu juga menyatakan sokongan kepada usaha MCA menubuhkan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) bagi melahirkan lebih ramai belia profesional.

Ia juga meminta Kementerian Pendidikan supaya lebih telus dan adil dalam proses pengambilan pelajar mengikut merit ke universiti awam kerana ia dapat meningkatkan taraf pendidikan negara setanding dengan taraf dunia.

Resolusi itu juga menyokong usaha kerajaan membuka lebih banyak peluang kepada kaum lain memohon biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam.

-- BERNAMA

LES LAT